

**SHAHNON AHMAD: INTROSPEKSI DIRI DALAM  
AUTOBIOGRAFI *DETIK-DETIK  
DIRI DI DAERAH DAIF***

***SHAHNON AHMAD: SELF-INTROSPECTION  
IN THE AUTOBIOGRAPHY OF *DETIK-DETIK  
DIRI DI DAERAH DAIF****

*Ani Binti Haji Omar  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

**ABSTRAK**

Novel *Detik-Detik Diri di Daerah Daif* (1991), merupakan autobiografi Shahnon dalam karya kreatif yang dipenuhi dengan pengalaman-pengalaman dalam kehidupannya bersama keluarga, di kalangan adik-beradik, kawan-kawan dan orang-orang kampungnya. Deskripsi kehidupan di kampung kelahirannya iaitu Kampung Banggul Derdap sangat vivid, ikhlas dan penuh nostalgia. Novel ini menggambarkan suasana kampung yang penuh suka duka, gelak ketawa dan sindir menyindir. Ternyata Shahnon mempunyai tersangat banyak daya kreativiti dan pengalaman dalam menghidupkan aura desa kelahirannya. Novel ini amat menarik kerana ia memperlihatkan introspeksi diri sejak kecil pengarang yang telah berlalu lebih 60 tahun yang lalu. Pengalaman hidup dan pengetahuan tentang desa, peristiwa dan watak-watak yang digambarkan masih jelas dan segar dalam ingatan pengarang. Selanjutnya kertas kerja ini akan menyelami introspeksi diri Shahnon melalui segala anekdot dan episod yang digambarkan melalui bahasa yang bertenaga, bahasa daerah yang tepat dengan deskripsi yang terperinci sekali. Novel yang mengandungi 191 halaman ini boleh dijadikan renungan dan bermuhasabah diri bukan sahaja kepada pengarang malah kepada pembaca, kerana pemikiran dan penghargaan tentang kehidupan masa kecil, alam sekeliling yang dipenuhi dengan sawah bendang, watak-watak istimewa kampung, bukit bakaunya, sungai dan paritnya, bumi yang subur, unsur-unsur angin, tanah dan air, tempat beribadat seperti madrasah atau surau, sumber hiburan desa, hari-hari keramaian, jemputan ke kampung dan ke rumah serta akhir sekali ziarah arwah ibu bapanya. Introspeksi diri Sasterawan Melayu ini sangat menginsafkan kerana setiap detik yang telah dilalui dihargai walaupun dari daerah yang serba daif.

**Kata Kunci:** introspeksi diri, menginsafkan, bermuhasabah, kehidupan, pemikiran

## ABSTRACT

*Detik-Detik Diri di Daerah Daif novel (1991), is Shahnon's autobiography in a creative work filled with experiences in his life with his family, among his siblings, friends and villagers. Description of life in his hometown of Kampung Banggul Derdap is very vivid, sincere and nostalgic. This novel illustrates the fun atmosphere of a village, laughter and sarcasm. It turns out that Shahnon has a lot of creativity and experience in bringing the aura of his hometown. This novel is very interesting because it shows introspection since the author's childhood that has passed over 60 years ago. The experience of life and knowledge of the village, the events and characters described is still clear and fresh in the author's memory. The paper will then explore Shahnon's self-introspection through all the anecdotes and episodes depicted in powerful language, the correct regional language with a detailed description of it. The novel that contains 191 pages can be a self-reflection and ponder not only on the author but also on the reader, because of his thoughts and appreciation of childhood life, the environment filled with paddy fields, the special character of the village, hill, the river and ditch, wind, soil and water elements, places of worship such as madrassas or surau, village entertainment sources, events, invitations to the village and home and ultimately the visit for his late parents. The introspection of the Malay Literature is very convincing because every second that has been passed is appreciated even from an underprivileged district.*

**Keywords:** *self introspection, awareness, thoughtful, life, thought*

## PENGENALAN

Sasterawan Negara merupakan khazanah negara yang amat berharga. Mereka diiktiraf dan dimartabatkan kerana mempunyai kekuatan dan kelebihan yang tersendiri. Sehingga kini terdapat sebelas orang telah diberi pengiktirafan sebagai Sasterawan Negara. Pengiktirafan tersebut merupakan pencapaian tertinggi seorang sasterawan di Malaysia. Mereka yang berkenaan ialah Keris Mas (1981), Shahnon Ahmad (1982), Usman Awang (1983), A.Samad Said (1986), Arena Wati (1988), Muhammad Haji Salleh (1991), Noordin Hassan (1993), Abdullah Hussain (1996) S.Othman Kelantan (2003), Anwar Ridhwan (2009) dan Kemala (2011). Ismail Hussein dalam pidato Umum “Anak Kreatif Malaysia Merdeka” (1982), menyatakan sumbangan Shahnon Ahmad yang istimewa dan paling bererti kepada kesusasteraan Melayu serantau ialah kejayaannya melalui daya seni yang tinggi, menonjolkan keperibadian lautan rakyat tani. Penceritaan hidup rakyat tani sejak zaman tradisi dan kolonial ditenggelamkan oleh zaman moden yang rata-ratanya diketepikan oleh para sasterawan baharu. Sebaliknya, Shahnon sebagai seniman, mengangkat isu rakyat tani sebagai inti ceritanya. Persuratan itu pula dipenuhi dengan dialek rakyat yang segar disertai oleh lanskap serta watak tani yang memikat dan menuntut perhatian. Hal ini dengan sendirinya memberi digniti, rasa segar dan keazaman untuk hidup kepada rakyat jelata yang tersisih buat sekian lama itu. Shahnon ialah seniman zaman Malaysia merdeka yang berbudi dan berbakti. Beliau memperlihatkan kesuburan daya yang berpanjangan, yang menafikan kebiasaan sebelumnya. Beliau meningkatkan dan mengembangkan

kesenian prosa Melayu ke tahap yang lebih gemilang hingga menarik perhatian dunia luar seterusnya mengharumkan nama negara. Beliau juga lambang kebangkitan dinamik bangsa Malaysia yang lahir dari lembah pertanian, beliau dengan tabah membina dirinya melalui liku-liku perjalanan yang panjang untuk menjadi seorang sarjana yang dihormati, seorang seniman yang gagah, dan seorang pendakwah yang gigih.

Kenyataan ini ada kebenarannya seperti mana yang diungkapkan oleh Mohd Yusof Hasan (2010), beliau menyatakan Shahnnon seorang penulis yang begitu sensitif terhadap peristiwa penting yang berlaku di dalam dan di luar masyarakat bangsanya. Beliau mempelopori sikap yang dinamakannya *Malay Power* apabila melihat betapa lemahnya orang Melayu mendepani keadaan politik, ekonomi, dan sosial yang menekan sehingga teretusnya peristiwa 13 Mei 1969. Inilah salah satu sebab yang mendorong beliau meningkat daripada pemikiran membela orang yang tidak berupaya yang berhadapan dengan kekejaman dan kekuatan alam kepada pemikiran membela orang atau bangsanya apabila berhadapan dengan kekuatan manusia lainnya. Shahnnon bukan berkarya hanya untuk bersastera. Beliau sentiasa cuba membaiki seninya dengan pelbagai gaya dan pendekatan, meneroka ke alam fikiran untuk memperkaya isi karangannya, dan sentiasa mempertimbangkan falsafahnya sebagai seorang penulis sehingga benar-benar mencapai kebenaran. Kekuatan Shahnnon dalam karyanya ialah kekuatan sensitiviti dan imajinasinya sebagai seniman yang berhasil menangkap segala konflik jiwa orang kampung. Dalam mengabdikan kehidupan desa yang menjadi sebahagian daripada kehidupannya, lukisan alam dan suasana Banggul Derdap menjadi hidup dan bererti. Beliau melihat orang kampung dengan segala kesederhanaan mereka untuk mencari rezeki yang halal, di samping menyerahkan dirinya bulat-bulat kepada Allah SWT. Ini kerana, segala musuh tanaman mereka datangnya daripada Allah dan kepada Allah jugalah mereka meminta pertolongan.

Kajian awal pengkaji mendapati sebelum ini keperihalhan introspeksi diri yang berhubung kait dengan persoalan diri dengan diri-ciri manusia dan kemanusiaan dalam genre kesusasteraan Melayu, selain daripada novel ada dilakukan iaitu terhadap puisi-puisi Melayu moden. Antaranya, kajian yang dilakukan oleh Samsina Abd. Rahman (1990) yang telah membuat kajian ke atas puisi-puisi Sayembara Anugerah Puisi Putra. Kajian ini ada menumpukan soal manusia dan kemanusiaan, namun ia hanya berkaitan dengan introspeksi diri dengan kemanusiaan, seperti hubungan kasih sayang sesama manusia, sama ada yang mempunyai pertalian darah ataupun tidak. Introspeksi diri yang dibicarakan lebih kepada soal kasih sayang dengan rasa tanggungjawab dan pengorbanan. Pengamatan awal ini mewajarkan kajian selanjutnya dilakukan dengan meluaskan lagi skop kajian ke atas genre novel pula. Sebuah lagi kajian Samsina Abdul Rahman (1986) yang diteliti berhubung dengan introspeksi diri adalah kajian beliau ke atas "Puisi-Puisi Shafie Abu Bakar: Satu Kajian Tentang Diri". Walau bagaimanapun pengamatan mendapati bahawa kajian ini tertumpu kepada puisi-puisi karya Shafie Abu Bakar, dengan mengkaji tentang diri dalaman yang meliputi soal-soal roh, akal, hati dan nafsu. Selain itu pengamatan awal juga

mendapati kajian berkaitan dengan introspeksi diri terhadap karya-karya Shahnon Ahmad secara khusus jarang ditemui. Sehubungan dengan itu pengkaji hanya akan menumpukan persoalan introspeksi diri terhadap sebuah sahaja karya beliau iaitu novel *Detik-Detik Diri di Daerah Daif* (1991). Sebagai contoh hanya beberapa bab sahaja yang diketengahkan untuk memperlihatkan kepetingan introspeksi diri dalam novel ini, yang boleh dikaitkan dengan kehidupan manusia masa kini.

### **INSTROSPEKSI DIRI, CERMINAN KEHIDUPAN, KETULUSAN, KEINSAFAN DAN KEMUHASABAHAN DIRI**

Membaca novel bererti membaca kehidupan manusia dan kadang-kadang kehidupan diri sendiri di dalam keseluruhan kehidupan manusia di alam ini. Sehubungan dengan itu, Introspeksi diri adalah melihat ke dalam diri sendiri, melihat diri sendiri kita harus benar-benar jujur untuk menghasilkan introspeksi diri yang tepat. Dan setelah itu haruslah kita bermuhasabah diri untuk memperbaiki kesalahan lalu, berfikiran terbuka dengan segala sesuatu yang baik. (<http://eekoo.wordpress.com/2009/11/01/tips-muhasabahyang-terparameter/>)

Pelaku-pelaku di dalam novel pula ialah kita sendiri, kita yang hidup dalam masyarakat ini. Sehubungan dengan itu Novel *Detik-Detik Diri di Daerah Daif* (1991) adalah cerminan kehidupan kita di alam ini. Novel ini merupakan autobiografi Shahnon dalam bentuk kreatif yang dipenuhi dengan pengalaman-pengalaman dalam kehidupannya bersama keluarga, dalam kalangan adik-beradik, dalam kalangan kawan-kawan dan orang-orang kampungnya. Deskripsi kehidupan di kampung kelahirannya iaitu Kampung Banggul Derdap sangat vivid, ikhlas dan penuh nostalgia sekali. Kisah-kisah yang dipaparkan dikaitkan dengan kawan-kawan sepermainan, orang-orang dewasa kampung lelaki dan perempuan, peristiwa-peristiwa yang menarik hati, institusi keluarga sebagai teras kesejahteraan, institusi balaishah sebagai tempat ibadat, dan hubung kait dengan unsur-unsur alam sebagai api, air, tanah dan angin. Mengikuti novel ini seolah-olah kita berada di kampung tersebut yang penuh suka duka, gelak ketawa dan sindir menyindir. Ternyata Shahnon mempunyai tersangat banyak daya kreativiti untuk mengumpulkan pengalaman hidupnya bagi menghidupkan aura desa kelahirannya.

Novel yang mengandungi 191 halaman dengan pembahagian sebanyak 15 bab ini, terbahagi kepada bab-bab seperti “Yang Kerdil dan Yang Terpencil”, “Tak Ada Gelegar Yang Patah Tak Ada Jemuran Yang Rebah”, “Bendang Berbaruh Keli Bersengat”, “Tuk Cik Teh”, “Bukit Berbelantara Rimba Berbukau”, “Sungai Ceper Mengalir Lesu”, “Bumi dan Perut Sama Bercacing”, “Aku dan Angin”, “Aku dan Api”, “Aku dan Telaga”, “Balaishah”, “Laga”, “Hari-Hari Besarlah Katakan”, “Ayuh Mari Masuk Kampungku & Naik Rumahku” dan “Ziarah Gemulah”. Dari senarai bab yang terkandung dalam novel ini, dapat diperlihatkan betapa Shahnon mengisahkan kehidupannya masa kecil, alam sekeliling yang dipenuhi dengan sawah bendang, watak-watak istimewa kampung, bukit bukaunya sungai dan paritnya, buminya yang subur, unsur-unsur api, angin, tanah dan air, tempat beribadat seperti madrasah atau surau, sumber hiburan desa, hari-hari

keramaian, jempunan ke kampung dan ke rumah serta akhir sekali ziarah arwah ibu bapanya. Novel ini pun memang satu dedikasi untuk arwah ayahandanya yang meninggal dunia pada 14 November 1981 dan arwah bondanya yang meninggal dunia pada 22 Februari 1990. Buktinya, novel ini dimulai dengan Bab “Memberi dan Menerima Salam” iaitu bahagian yang khusus di mana Shahnnon mengintrospekdi diri beliau terhadap penghargaan dalam mengenang jasa dan pengorbanan kedua orang tuanya. Seperti kata pengarang;

Inilah, aku namakan catatanku ini *Detik-Detik Diri di Daerah Daif* sebagai salam-salam untuk bapa dan emak yang tak sempat aku memberinya pada dinihari itu. Juga salam untuk gemulah-gemulah yang lain yang telah banyak memberi erti kepadaku tentang makna angin dan badai, kemarau dan banjir, tanah dengan cacing-cacing, bukit-bukau dengan kehijauannya dan gunung-ganang dengan puncak dan lurah-lurahnya.

(Shahnnon Ahmad, 1991: vii)

Novel ini amat menarik kerana ia memperlihatkan gambaran zaman-zaman kecil pengarang yang berlalu hingga selama lebih kurang 60 tahun yang lalu. Pengalaman dan pengetahuan tentang desa, peristiwa dan watak-watak itu masih jelas dan segar dalam ingatan pengarang. Segala anekdot dan episod itu digambarkan melalui bahasa yang bertenaga, bahasa daerah yang tepat, dan deskripsi yang vivid dan perinci sekali. Sebagai contoh perhatikan perenggan pertama novel tersebut:

Ingat-ingatku, kampung kelahiranku ini sudah begitu wajahnya, begitu kulit belulangnya dan begitulah isi perutnya. Rumah-rumah yang berdinginkan papan sayung dan beratapkan bertam dengan tangga-tangga yang dibuat daripada buluh sigai atau batang kayu yang ditebuk tebuk takahnya, atau sekadar dua batang kayu bulat bersilang berselerak di kaki bukit, tapi bukit ini pun hanya sebelah saja membentengi kampung kami itu; malah ia bukan sangat bukit, juga bukan sangat tanah mendatar.

Tapi bukit tak bukit dan paya yang tak paya ini, banyak benar meninggalkan kenangan yang manis-manis. Dan juga yang pedih-pedihnya. Di sinilah kami berdenak tekukur, menciding atau menepuk pelanduk atau napuh, naik mencari rotan saga, kayu api, kayu meranti membuat tiang rumah. Kadang-kadang terjerembab harimau akar, lari lintang pukang terjun paya dan terjun bukit. Kera dan lotong dan mawas jangan diambil kira. Banyaknya bukan main-main. Musim buah, bergayutlah mereka datang mencari rezeki. Puas pula kami memerangkap binatang-binatang buas itu dengan pelbagai cara.

(Shahnnon Ahmad, 1991:1)

Dalam perenggan ini, terlukis kampung, rumah, tangga, kayu, bukit bukau, tanah, binatang, hasil bukit, kayu kayan, dan kegiatan musim buah-buahan. Bagi setiap benda itu, digambarkan sifat, warna, saiz, corak, perbuatan, tindak tanduk, sebab akibat, aksiaksi dan ulang-ulangan. Kata-kata nama itu ditambah pula dengan kata-kata sifat dan perbuatan dengan laras bahasa yang betul sesuai dengan situasi dan persekitarannya. Bahasa daerah dan dialek itu pula tidak banyak diberi suffik dan prefiknya. Jadi bahasa yang digunakan itu ternyata tepat, tidak rasmi dan indah sebutan serta dengarannya.

Seperti yang pernah diperkatakan oleh Dharmawijaya (1987:4), bahasa adalah alat untuk memindahkan pengalaman jiwa manusia yang merangkumi pernyataan perasaan dan fikirannya. Oleh itu, penggunaan bahasa baik melalui lisan mahupun tulisan akan selamanya menuntut kejelasan tanggapan dan ketepatan makna supaya dapat berkomunikasi dengan manusia lain dengan berkesan. Shahnon Ahmad (1992:52) pula ada menyatakan bahawa keperihalan manusia dan kemanusiaan sebenarnya adalah satu lautan yang sangat luas, yang memiliki terlalu banyak rahsia yang terpendam yang memerlukan penerokaan yang berkesan, terutama aspek dalaman yang banyak tersembunyi dan tersirat jauh ke dalam jiwa dan bersifat rohaniah. Manusia dan kemanusiaan itu sendiri merupakan satu alam tersendiri yang melahirkan pelbagai kesan dan cabaran dalam proses pembangunannya, dan salah satu ciri kemanusiaan yang tumbuh semenjak Nabi Allah Adam A.S. sampai kepada setiap insan sekarang ialah manusia itu bermasalah. Permasalahan wujud kerana berbagai-bagai sebab, antaranya kerana pertentangan antara manusia dengan makhluk lain, selain sesama manusia.

Perkara ini ada digambarkan oleh pengarang seperti berikut;

“Tapi kisah sekarang biarlah usah saya ceritakan. Ianya cuma menyedihkan hati saja. Kita boleh tengok sendiri. Baik bendangnya, baik sungainya, baik bukitnya, baik caruknya, semua yang dikenang keindahan dulunya itu kini sudah musnah ditelan kemajuan dan pembangunan. Harimau, kijang, pelanduk, napuh, babi hutan, monyet, kera, lotong, pipit, puling, serindit, rusa dan gajah, semuanya sudah tak ada lagi. ...semuanya sudah musnah, dimusnahkan oleh kemajuan dan pembangunan. Tapi kisah sekarang usah kita lanjutkan lagi kerana cuma membunuh kenangan manis masa lampau sahaja.

(Shahnon Ahmad, 1991:5)

Bab “Yang Kerdil dan Yang Terpencil” adalah bab pembukaan yang memberi latar Kampung Banggul Derdap tempat tumpah darah pengarang. Keadaan geografi dan demografinya dijelaskan dengan detail. “Di sebelah timur terbentang Sungai Ceper yang panjang dan lebar dan jernih airnya. Tebingnya berlenggang lenggok bagaikan tali dilontar dan setiap selekohnya tertegak perdu buluh duri

yang mengejapkan tebing itu”. Di sebelah utara kampung itu terletak pula kampung-kampung yang lain. Di sebelah selatan terdapat lagi kampung-kampung yang sama taraf dengannya. “Banggul Derdap terletak dalam keadaan inilah. Dan rumah-rumah berceretek di kaki bukit kerana di tengahnya ialah bendang.”

Kampung Banggul Derdap dalam daerah Sik negeri Kedah Darulaman, kata Shahnnon adalah dalam keadaan yang “mengharukan”, “penuh pancaroba”, “berjuang siang malam untuk sesuap nasi”, “ketawa yang panjang” dan “juga tangisan yang bersambungan, tentang kematian lepas seorang, seorang.” Orang-orang kampungnya sudah sibuk mencari makan dalam serba kedaifan dan “banyak juga yang tak sembahyang” kerana “asyik denak tekukur, jebak napuh dan ragau ikan sehingga lupakan Allah.” Atau banyak juga yang cangkung-cangkung atas bendul mengampu kemaluan masing-masing. “Di Banggul Derdap yang serba daif dalam segala hal inilah, ibu melahirkan aku”. Namun pengarang menyesali keadaan sungai Ceper yang sudah tercemar, demikian seperti yang diungkapkannya;

Kini sungai Ceper masih ada, masih mengalir airnya sudah tak tergamak hendak menjamahnya lagi. Airnya likat, keruh dan kotor; penuh dengan barang-barang yang berkarat, bersisa, plastik yang pelbagai, bangkai kucing dan ayam, tahi manusia yang berlonggok-longgok dan semuanya benar-benar membunuh jiwa Sungai Ceper ini. Tapi biarlah tak usah aku ceritakan yang sekarang ini. Ini cuma menyedihkan hati saja.

(Shahnnon Ahmad, 1991:3)

Dalam konteks ini, dilihat novel yang dikaji dapat menjadi wadah yang mengungkapkannya permasalahan manusia. Ia dikatakan mempunyai sejarahnya yang khusus, yang ada kaitan pula dengan pembangunan dan pengembangan manusia itu sendiri. Dikatakan juga bahawa semakin maju dan progresif manusia itu semakin banyak dan sulit permasalahannya, dan manusia kurang mampu menyelesaikannya dengan berkesan. Banyak yang membiarkan permasalahan itu merebak dan menimbun dan akhirnya menenggelami manusia itu sendiri. Rumusannya, novel ini adalah hati dan jiwa Shahnnon, ia lahir daripada perasaan yang suci dan ikhlas. Di dalamnya tergambar keperihalannya manusia yang diungkapkan melalui bahasa yang indah, dan juga menjadi cerminan akal budi pengarang yang luhur. Sehubungan dengan itu bolehlah dikatakan bahawa setiap insan haruslah merenungi ke dalam diri apakah yang telah berlaku dan dilakukan sebelum ini. Adakah umur yang diberi oleh Allah SWT telah digunakan dengan sebaik-baiknya.

Bab “Tak Ada Gelegar Yang Patah, Tak Ada Jemuran Yang Rebah” adalah gambaran masa kelahiran pengarang, tidak seperti yang digambarkan oleh hikayat-

hikayat lama tentang perubahan suasana dan cuaca pada masa kelahiran seseorang putera puteri raja.

Berikut seperti yang digambarkan;

“Semuanya seperti biasa sahaja. Aku menjenguk keluar, Tuk Heja menyambut dengan kata bismillah, Tuk Heja mengelap semua darah dan lender, di bedung dengan kain putih sepanjang dua depa dan kemudian terus diserahkan kepada bapa yang sedang gelisah menunggu. “Anak kecil” orang balai bukan orang dapur, awang bukan mek” itu disambut dengan sebaknya oleh orang-orang kampung dengan berjamu-jamu ala kadarnya.

Bapanya, “seorang bangsat dari Paya Pasir, Deli, Sumatera, Indonesia” dan ibunya berketurunan Siam dan tuk neneknya seperti Pataeng Sagalas, Sippit, dari Kampung Mata Rusa di Patani.” Bapa lari dari penjajah Belanda dan warganya ialah Seragih, satu keturunan Batak. “Dalam erti kata yang lain, aku ini berketurunan Batak juga kalau dikira sebelah bapa, bukanlah Batak perut hijau yang makan apa saja yang ditemuinya.”

(Shahnon Ahmad, 1991:7)

Perasaan kasih sayang dan hormat menghormati sesama manusia khususnya kepada kedua-dua ibubapa haruslah diutamakan. Introspeksi diri ini penting kerana kini manusia menjadikan wang ringgit dan harta benda sebagai asas penilaian dalam hubungan sesama manusia. Jika dulu sering didengari tentang perselisihan faham dan permusuhan antara adik-beradik kerana berebutkan harta, tetapi kini ada kes anak-anak yang dapat menyaman ibu-bapa di mahkamah kerana perkara yang sama. Situasi ini menggambarkan bahawa cinta kepada wang ringgit dan harta benda sudah sampai ke tahap membunuh perasaan cinta dan kasih sayang seorang anak kepada kedua-dua ibu bapanya. Dalam hal ini, Islam memerintahkan manusia supaya sentiasa menjaga hubungan baik dengan kedua-dua ibu bapa, seperti maksud ayat al-Quran dalam Surah Luqman, Ayat 14 yang antara lain bermaksud:

Kami perintahkan kepada manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandung dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah dan menyusukan dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu, hanya kepada Ku-lah kembali kamu

(Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:654)



Maksud ayat dalam surah Luqman ini amat jelas bahawa jika manusia hanya bersyukur kepada Allah SWT., dan tidak kepada kedua ibu bapanya maka kesyukurannya tidak diterima.

Selanjutnya pengarang sendiri merasa pelik dan hairan dari mana terbitnya nama Shahnnon itu. Bila dipasangkan nama bapanya Ahmad Hasanuddin dan ibunya Siti Kalthom atau Keghesung, tidak juga terbit namanya. “Nama ini tak ada di kampung kami, tak ada dalam negeri Kedah, malah dalam Semenanjung Tanah Melayu ini pun tak ada, aku rasa.” Tetapi oleh sebab pelat separuh Kelantan dan separuh Patani, namanya dipanggil “Sanong” saja atau nama keluarga dipanggil “Cu Nong”.

Kehidupan kampung ini banyak berkisar kepada darah dan nanah dalam “karya dalam kemiskinan”. Pengarang teringat semula tentang peristiwa orang mati kerana tertikam duri nibung yang menyebabkan darah dan nanah dan akhirnya mati kerana busung. “Pak Ngah Lahuma meninggal dunia kerana busung inilah. Mayatnya dibungkus dengan kain putih hampir-hampir sepuluh lapis kerana nanah dan darah tak juga berhenti mengalir. Baunya usah dikira lagi; tajam mencucuk lubang hidung, masuk ke dalam mulut dan banyak yang tak ada selera makan untuk beberapa hari.

Instrospeksi diri ini penting dikaji dan diketengahkan supaya manusia sentiasa menginsafi kewujudan mereka di muka bumi ini adalah sebagai hamba Allah SWT. dan berkewajipan menjalankan tugas sebagai khalifah-Nya. Pengkhususan ke atas dua kewajipan manusia tersebut penting dilakukan supaya manusia sentiasa bersyukur dan tidak lupa diri seperti mana fitrah kejadiannya. Pada abad ke-21 ini, era pembangunan yang pesat membangun, manusia kadangkala lupa, dan tidak mengendahkan nilai-nilai murni yang dan menghargai setiap pengorbanan dan asal mula kejadian dan keujudan mereka di muka bumi ini. Mengkaji novel ini dan menghayatinya bermakna khalayak akan mendalami dan bermuhasabah diri serta merenung kembali hakikat kejadian mereka oleh Allah SWT.

Bab “Bendang Berbaruh Ikan Keli Bersengat” adalah kisah kehidupan orang-orang kampung yang berkait rapat dengan sawah bendang sebagai sumber rezeki seharian. Bendang bukan sahaja tempat menanam padi semata-mata, tetapi bendang dipenuhi dengan binatang, cuaca, musim, kawan dan lawan dan sebagainya. Dalam pergelutan mencari makan amat perit itu, terdapat juga episod-episod yang menggelikan hati. Misalnya, peristiwa punggung Jusuh GutGut dimasukki lintah gajah. Ia berlari ke arah neneknya, Tuk Minah yang rabun matanya dan pekak telinganya. Bila Jusuh berkata “Lintah Gajah masuk punggung. Lintah, nek! Lintah!”, Tuk Minah menjawab “Mak Long Esah tak dak.”

Pengarang menggambarkan suasana kalau Jusuh mati akibat lintah masuk ke dalam badannya dan kesan akibat itu akan menimpa dirinya. Ngeri sungguh akibatnya. Tetapi apabila bapa Jusuh iaitu Pak Cik Heng pulang, ia begitu tenang sekali mengeluarkan lintah itu dari badan Jusuh. Caranya ialah merendamkan punggung Jusuh dalam lesung yang dipenuhi dengan air campuran tembakau jawa darat. Lintah akan terkeluar dengan sendirinya bila rasa “mabuk” dari punggung Jusuh!

Kawan-kawan “aku” adalah seperti Jusuh Gutgut, Saad Togok dan Usop Debeng. Ada peristiwa Saad Togok disengat ikan keli dan diceritakan tentang ubatnya yang paling mujarab dari anggota badan manusia itu sendiri. Kenangan pengarang bersama kawan-kawan sepermainan sukar dilupakan. Kegirangannya tak akan luput dari ingatan sampai bila-bila. Namun di sebalik itu pengarang di akahir bab menceritakan bagaimana kampungnya semakin hari semakin hilang keindahan alam semula jadinya;

“tapi sekarang ini keli sudah tak adadalam bendang di kampung kami; malah haruan, sepat, puyu, temperas, selat dan karing sudah lama luput. Sebelum bendang kami ditambah dengan tanah merah pun ikan-ikan ini sudah tak ada. Banyak yang mati kerana racun yang berbagai ditabur ke dalam bendang kami. Ada racun serangga, ada racun rumput, ada racun baja dan sebagainya... bendang itu sendiripun sudah tak ada...”

(Shahnon Ahmad, 1991:23)

Bab “Sungai Ceper Mengalir Lesu” pula adalah kisah sungai yang amat jernih airnya mengalir di kampung Banggul Derdap itu. Sungai ini berhulu di bukit bukau menjadi sumber rezeki penduduk dengan ikan-ikannya. Sungai ini amat memberi makna kepada kehidupan orang-orang kampung.

Kata “aku”:

Sebenarnya Sungai Ceper ini bukan hanya kaya dengan air, ikan, binatang dan pasir juga mempunyai fiil yang pelik-pelik dan kadang-kadang banyak membawa kejutan di luar dugaan. Perangainya sukar diramalkan. Kalau hujan lebat, wah, bukan main garang lagi dia. Menendang, menerjang, membuak, mengganas tak tentu pasal, mengheret segala kotoran yang ada di tepi-tepi tebing. Dan kalau ada anak-anak buah kami yang tak pandai berenang bilamana menyeberangnya, ditelannya sampai tak lauh-luah lagi. Waktu itu jangan diambil pusing sangat tentang Ceper. Dia membedal titi kami sampai runtuh. Dia membokeh perdu kelapa kami sampai tumbang pokoknya dan berkecailah buah tua dan buah mudanya; malah bukansaja kelapa tapi juga rambutan, setoi, keriang, langsung, nangka, buluh dan pokok-pokok lain yang rajin bertenggek di tebingnya. (Shahnon Ahmad, 1991: 52)

Begitulah antara gambaran-gambaran yang dikisahkan oleh pengarang dengan begitu indah sekali deskripsinya. Tetapi kini semua itu tinggal kenangan, semuanya telah musnah, tiada lagi keindahan alam semula jadi itu;

...kalau aku benar-benar gergasi, aku akan membaruhkan bendang di kampungku ini semula supaya keli kembali galak dan haruan kembali melompat. Tapi aku bukan gergasi. Aku adalah aku. Dan kenangan seumpama itu hanya ditamatkan dengan titik-titik air yang tumbuh dalam kelopak...

(Shahnon Ahmad, 1991: 57)

Telah menjadi realiti dalam kehidupan sehingga ke abad 21 ini perumpamaan yang mengatakan ‘dalam kalangan haiwan tiada manusia tetapi dalam kalangan manusia ada haiwan’ semakin popular dan diperkatakan. Mohd Radzi Othman (2003:39) menjelaskan bahawa manusia mempunyai lima elemen yang membentuk ciri kemanusiaannya, iaitu jasad, roh, akal, nafsu dan hati. Manusia dikurniakan akal untuk membolehkan mereka membeza dan menilai antara dua unsur yang saling bertentangan iaitu unsur positif yang dicetuskan dari pemikiran luhur, lahir, logik dan lateral yang diwakili oleh iman dan kebenaran dan unsur negatif yang diwakili oleh sifat kufur dan kebatilan yang telah mengenyepikan keempat-empat pemikiran tersebut. Justeru itu seharusnya manusia menggunakan akal dengan sebaik-baik dalam mengerjakan yang baik dan meninggalkan segala keburukan.

Bab “Aku dan Angin” adalah bab yang mengandungi kisah-kisah lucu di kalangan “aku”, Jusuh Gutgut, Usop Debeng dan Saad Togok. Angin membawa banyak makna dan implikasi, tersurat dan tersirat. Tetapi dalam Bab “Aku dan Api” membawa kisah yang agak tragik kerana kenakalan “aku” dan kawan-kawan yang membawa kepada kebakaran dusun Haji Cik Heng.

Kesemua kisah yang dipaparkan itu haruslah diimbangi dengan sifat sabar. Sehubungan dengan itu, Mohd Nakhaie Ahmad (1998:361) menjelaskan sifat sabar ialah keupayaan mengawal diri daripada penderitaan yang ditanggung atau kelazatan yang terlepas atau hilang. Sesuatu penderitaan yang menimpa memberi kesan kepada diri dan jiwa. Kesan yang berupa kesakitan dan tekanan yang menjadikan hati bergelora dan keluh kesah dan gelisah, sedih dan dukacita. Begitu juga apabila sesuatu nikmat dan kelazatan yang dimiliki yang hilang dan terlepas, setelah kelazatan dan kenikmatan itu dimiliki dan dirasai. Dari sudut kemanusiaan menanam sifat sabar amat penting, kerana manusia akan menjadi lebih bertimbang rasa, kasih mengasihi, tidak menghina sanggup membantu mereka yang perlukan pertolongan, jika tertanam sifat sabar dalam diri manusia yang luhur dan lahir sebagai manusia yang berperikemanusiaan. Johari Haji Alias (1997:20) pula berpendapat, sabar itu ertinya menahan diri daripada mengikutkan kehendak hati atau perasaan yang panas atau marah, menahan diri daripada melakukan berbagai-bagai kejahatan atau maksiat, menahan diri ketika mengalami penderitaan, kesusahan atau bencana alam, sanggup bersusah payah dan berusaha untuk

mendapatkan kebaikan dan sebagainya. Sifat sabar dari sudut kemanusiaan akan menghindarkan manusia dari penderitaan, kemelaratan dan huru hara dalam masyarakat.

Bab “Balaisah” adalah kisah perasaan dalaman orang Kampung Banggul Derdap dalam hubungan mereka dengan Allah. Pada suatu masa balaishah ditumbangkan oleh angin. Orang kampung bergotong-royong membina semula dan orang kampung beribadat dengan khusyuk. Tetapi kemudiannya mereka alpa semula. Lepas itu datang pula kemarau yang panjang. Mereka datang ke balaisah membuat ibadat dan hujan pun turun membawa rahmat. Begitulah silih berganti dan kealpaan yang melanda orang kampung.

Sehubungan dengan itu, setiap manusia dituntut untuk menginsafi bahawa kejadian mereka di bumi ini adalah sebagai hamba Allah SWT. Justeru, ketaatan dan kepatuhan di atas segala perintah-Nya adalah menjadi keutamaan dalam hidup. Untuk mendapat pangkat ‘hamba-Ku’, seorang mukmin dituntut membina ketakwaannya terhadap Allah SWT Mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Justeru, kewajipan manusia terhadap Allah SWT ialah dengan mengabdikan diri kepada-Nya tanpa menyekutukan-Nya. Hakikat pengabdian diri seorang manusia terhadap Allah SWT ialah kepatuhan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi, dengan memberi seluruh perhatian, perasaan, pertimbangan dan tindakan kepada segala suruhan dan kehendak Allah SWT. O.K Rahmat (1991:6) menyatakan Islam telah menentukan suatu garis hidup dan tujuan hidup untuk manusia. Adapun tujuan hidup manusia ditegaskan seperti firman Allah SWT dalam Surah Adz-Dzariat Ayat 56 yang bermaksud:

Dan tiada Ku jadikan jin dan manusia melainkan untuk mengabdikan kepada-Ku.  
(Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:862)

Ini diikuti oleh ikrar yang diucapkan oleh setiap Muslim dalam rakaat solatnya ketika membaca Surah Al-Fatihah Ayat 5, yang bermaksud:

Hanya kepada-Mu kami memperhambakan diri...  
(Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:6)

Jelas ayat-ayat tersebut menegaskan tujuan penciptaan manusia hanyalah untuk mengabdikan atau memperhambakan diri ke hadrat Allah SWT semata-mata. Perintah dan suruhan pengabdian itu terdapat dalam banyak ayat Al-Quran mahupun As-Sunnah, begitu juga dengan larangan mendurhakai-Nya. Kata pengarang:

“..mungkin Allah akan menguji kami lagi untuk menyedarkan kami. Mungkin pada masa akan datang Allah tak lagi tumbangkan balaishah, tapi akan tumbangkan rumah kami atau mencabut nyawa kami. Entahlah. Ini semua kuasa Allah. Dan kita hanya penerima kuasa itu saja.”

Dalam hati kecilku, aku rasakan balaishah yang terbiar dan sering dilupakan itu ada peranan yang utama dalam kehidupan kami. Ikatan balaishah dengan kami semua itu adalah ikatan mesra, ikatan tolong menolong antara satu sama lain. Hujan yang membunuh kemarau itu pun, aku rasa, ada hubungan dengan balaishah juga. Balaishah bukan hanya sejadah, bukan hanya tikar dan bukan hanya buyung air di tangganya saja, aku rasalah Balaishah lebih daripada itu. Ia semacam nyawa juga kepada kami semua di kampung yang tersorok dan serba daif itu. Balaishah adalah semacam makhluk tengah juga yang menghubungkan kami dengan yang lebih agung, yang ghaib di atas langit atau di mana saja. Ingatan ini hanya datang apabila aku sudah besar, sudah bersekolah Melayu; tidak sewaktu aku masih kecil di kampung dulu.

(Shahnon Ahmad, 1991:100)

Selanjutnya dalam “Bab Hari-Hari Besarlah Katakan” antaranya ialah majlis kahwin adalah satu hari keramaian di kampung. Pengarang menggambarkan persiapan hari tersebut:

Petang sebelum kenduri itu, rumah tuan rumah sudah ramai. Orang perempuan datang siang-siang lagi untuk sediakan kerisik. Ini bermakna mempersiapkan perkakas untuk dimasak besok pagi-pagi. Orang jantan membuat bongsal, pelamin, angkut air telaga dan lain-lain. Budak-budak seperti kami ini tak ada kerja apa-apalah selain lari sana lari sini, buat bising dan makan. Apabila terasa lapar, kami makanlah, dan biasanya dua hari sebelum kerja kenduri, kami tidak pergi sekolah lagi. Guru darjah tahulah sebabnya. Biasanya dua hari sebelum kenduri itu, tuan rumah sudah pun membuat kenduri untuk orang kerja. Nasi sudah berkawah-kawah tapi daging lembu kenduri betul tak disentuh.

Yang disembelih untuk hari-hari persediaan itu ialah ayam atau kambing ataupun lembu kerbau yang lain. Tapi tuan rumah taklah susah kerana beras disedekah, ayam disedekah, kambing disedekah dan lembu pun disedekah. Pinggan mangkuk diberi pinjam dari balaishah. Bongsal-bongsal dibuat oleh orang lain tanpa sebarang upah. Tuan rumah Cuma siapkan anak dara atau anak teruna saja. Kami semuanya bermuafakat membuat kenduri seumpama itu sampai selera seerah. Makanlah setakat mana yang boleh makan. Makanlah berapa kali pun. Ambil bawa baliklah nasi dan lauk setakat yang boleh bawa.

(Shahnon Ahmad, 1991:145)

Selepas banyak bercerita tentang berbagai-bagai perkara tentang kampung halaman dan peristiwa-peristiwa dalam kehidupannya, “aku” menjemput para pembaca “Ayuh, Mari Masuk Kampung dan naik Rumah ku.” Dan akhir sekali; “aku” mengisahkan tentang kampungnya yang telah menjadi arwah dalam

bab bertajuk “Ziarah Gemuluh.” “Aku” menceritakan tentang orang-orang kampung:

Ingat-ingatku amat jarang tetamu datang kekampung kami sebab kampung kami tak ada apa-apa pun yang boleh dibanggakan kecuali musim buah-buah. Itu pun tetamu datang sekejap saja. Kebanyakannya orang Cina di pekan Sik. Mereka datang bawa basikal pantat besar dengan bakul dan raga besar tercotet atas pelantar besar basikal itu. Mereka kutip buah, masukkan ke dalam raga, bayar kepada tuannya dan pergilah. Besok mereka datang lagi. Orang kampung kami tak ambil kisah sangat berapa harganya. Bayarlah setakat mana yang hendak bayar. Belilah setakat mana yang hendak beli.

Orang kampung kami memang baik-baik orangnya kecuali seorang dualah. Tapi kerana banyak yang baik hati inilah menyebabkan orang di luar kampung kami jadi tak baik pula. Mereka angkut manggis, langsung seguni tiga, mereka hanya bayar sekupang dua. Tapi orang kampung kami seronok juga. Mereka tak ambil kisah. Ada orang datang beli durian, mereka jual. Orang beli tiga biji, mereka jual tiga biji tapi sedekah pula dua biji. Orang beli langsung dua bakul mereka sedekah satu guni pula. Tolong panjat pula. Tolong kutip pula. Pelawa naik rumah, jamu kopi pula, malah kadang-kadang sedekah lagi ikan pekasam dan jeruk petai. Tak kira siapa: Melayukah, Cinakah atau Indiakah.

Ingat-ingatku hanya musim buah-buahan ada tetamu datang kampung kami yang memang betul seba daif tapi juga yang memang betul serba seronok itu. Itulah yang sering aku katakana bahawa kami ketawa dalam tangisan dan menangis dalam ketawa. Dan inilah banyak membijaksanakan kehidupanku sampai sekarang. Selamat tinggallah buat sementara waktu. Dan datang lagilah bila-bila ada gerak hati hendak datan. Tak usah tunggu musim buah. Musim kemarau panjang, musim taufan membadai, musim air bah pun datanglah kerana waktu-waktu itulah sebenarnya member makna kepada kampung kami. Dan waktu-waktu itulah yang akan benar-benar membijaksanakan tetamu-tetamu.

(Shahnon Ahmad, 1991:163-164)

Apa yang dipaparkan dalam episod ini ada kaitannya dengan perasaan kasih sayang atau perasaan cinta sesama manusia. Rasa cinta adalah anugerah Allah SWT. kepada hamba-Nya, selain memperkuat keimanan kepada Yang Maha Pencipta, cinta sesama manusia dan kehidupan yang lain adalah ciri kemanusiaan yang sangat baik dan dituntut oleh setiap agama kerana cinta yang tulus dan ikhlas akan mensejahterakan semua kehidupan di bumi yang fana ini. Manusia yang berfikiran luhur dan lahir sebagai manusia yang berperikemanusiaan akan sentiasa menyemai rasa cinta dalam dirinya kerana Allah SWT. Hamka (2003:137) menyatakan bahawa iman kepada Allah SWT. pastilah menumbuhkan cinta. Benci

tidak dapat disertai oleh iman, dan iman adalah memupuk kasih, iman tidaklah mengenal dendam. Nabi Muhammad SAW. ada bersabda yang bermaksud:

“Barang siapa yang ingin agar umurnya itu berbekas panjang dan harta bendanya meluas lebar, hendaklah hubungkan silaturahmi, erti kasih sayang, dengan sesama manusia”.

(Hamka, 2003:137)

Apabila telah tertanam rasa kasih sayang dan cinta, kehidupan manusia akan lebih aman dan tenteram. Sudah tentu jauh dari hasad dengki dan tamak haloba, si kaya akan dengan rela hati mengagihkan sebahagian hartanya kepada si miskin dengan cara sedekah jariah atau melalui cara mengeluarkan zakat harta dan pendapatan. Humaidi Tatapangarsa (1980:140) menjelaskan Rasulullah SAW pernah bersabda dipetik dari Riwayat Muslim yang bermaksud:

Kamu tidak dapat masuk syurga sehingga kamu beriman dan tidak beriman sehingga kamu saling cinta-mencintai. Belumkah kutunjukkan kepadamu sesuatu yang bila kamu kerjakan menyebabkan kamu saling cinta-mencintai (sesuatu itu ialah) sebarkanlah salam diantara kamu.

(Humaidi Tatapangarsa, 1980:140)

Dalam Bab terakhir Shahnnon menganggap kampungnya sudah mati, meninggal dunia dan jadi gemulah. Katanya:

Bagiku sekarang ini, daerahku yang daif tapi juga yang banyak membijaksanakan aku itu telah lama meninggal dunia, telah lama menjadi gemulah. Jasadnya masih ada meskipun dalam bentuk yang lain tapi rohnya sudah atak ada. Elok juga kalau kita cuba mengingati roh gemulah ini dan menziarahinya

(Shahnnon Ahmad, 1991:165)

Kampung Banggul Derdap mengalami perubahan yang amat drastik dalam pembangunan fizikalnya sehingga membawa kepada perubahan sikap dan sifat para penduduknya. Kata pengarang mengakhiri novelnya:

Gelanggang silat gayung petani sudah lama roboh. Orang muda bukan sahaja tak mahu lagi bersilat dan mengatur langkah tapak empat dengan huluran sebuah buah Saidina Ali; malah amat payah hendak mencari orang muda sekarang ini di kampung kami itu. Mereka cabut lari bekerja di kilang-kilang. Sudah ada yang pergi ke Kuala Lumpur mengadu nasib. Sudah ada yang lulus university pun tapi mereka ini tak akan pulang-pulang lagilah ke kampung kerana apalah ada di kampung ini. Rohnya tak

ada lagi. Kebijaksanaannya pun telah tak begitu jelas lagi. Banyak yang berkelahi dan rajin bertempik marah-marah, terutama bilamana dekat dengan pilihan raya. Yang sepuak mahu pangkah satu parti. Yang sepuak lagi mahu pangkah parti lain.

Baru-baru ini ada parti lain pula menjenguk kampung kami dan bertambah pech-belahlah anak buah kami itu. Tapi tak lama lagi pupuslah kampung kami itu. Orang tua akan bertambah tua dan pasti sajalah akan mati. Yang muda sudah tak ada lagi. Yang banyak sekarang ini ialah orang luar yang dating untuk jadi buruh projek perumahan murah dan kilang-kilang kerdil yang sampai sekarang tak pernah siap itu.

Baru-baru ini aku ziarahi Gemulah itulah. Dan entah mengapa dan kenapa, aku secara tidak sedar mengusap kedua-dua belah mataku dengan belakang tapak tangan kananku.

Salah seorang cucuku telah merenungi kedua-dua belah mataku yang berair itu. Dia pun menangis sama tanpa mengetahui sebab-sebabnya kerana waktu dia dilahirkan, kampungku itu telah lama menjadi Gemulah. Kampungku telah lama meninggal dunia. Dan dia bersama adik-adiknya itu tak sempat menghayati kebijaksanaannya dalam erti kata yang sah dan sah.

(Shahnon Ahmad, 1991:167)

Mengikut pemikiran logik, manusia bersifat lemah dan mempunyai sifat kekurangan serta sentiasa memerlukan bantuan dan pertolongan daripada yang lain. Dari segi kehidupan biasa, yang miskin memohon bantuan daripada yang kaya, yang jahil meminta ditunjuk ajar oleh orang yang berilmu dan begitulah seterusnya. Mengikut pemikiran logik juga pada masa yang sama, manusia juga sentiasa inginkan berbagai-bagai keperluan atau hajat dengan berusaha untuk mencapainya, sama ada dalam urusan kekeluargaan, pelajaran, dan kerjaya. Dengan itu, mereka sentiasa berusaha dan terus berusaha untuk mendapatkan hasil yang dihajati. Mengikut pemikiran lahir pula sebagai umat Islam berjiwa luhur, manusia percaya bahawa ada satu kuasa yang mampu untuk memakbulkan segala hajat, iaitu Allah SWT. Ini dijelaskan oleh Allah SWT. sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Mukmin Ayat 60 yang bermaksud:

Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa (permohonan) kamu.

(Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:767)

Setelah berusaha bersungguh-sungguh hendaklah seseorang menyerahkan hasil daripada usaha itu kepada Allah SWT dengan berdoa supaya Dia merestui dan menerima amalannya tersebut sebagai amal soleh dengan memakbulkan hajat hamba-Nya. Selain itu, firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran Ayat 159 yang bermaksud:



Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah mesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah.

(Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:103)

Selepas itu, manusia disuruh supaya redha menerima hasil yang diperolehi kerana ia adalah ketetapan daripada Allah SWT sebagai takdir iatu Qada' dan Qadar.

## **KESIMPULAN**

Introspeksi diri yang dipaparkan dalam novel yang dikaji ada kaitannya dengan penciptaan manusia yang mana setiap daripada kita haruslah mengimaninya. Manusia adalah makhluk ciptaan Tuhan, diwujudkan daripada unsur rohani dan jasmani. Hidup manusia tidak kekal di dunia, sampai masa akan mati dan kembali ke alam akhirat. Baha Zain (2002:32) menyatakan bahawa manusia ialah makhluk yang paling istimewa dan indah diciptakan oleh Tuhan. Manusia mengatasi makhluk-makhluk lain kerana dikurniakan akal dan perasaan. Di dalam *Al-Qur'an dan Terjemahnya* (1990:527), telah jelas diperkatakan bahawa manusia adalah makhluk ciptaan Allah SWT. Ini terungkap seperti yang tersurat dalam surah Al-Mu'minuun, ayat 12-14, yang bermaksud seperti berikut:

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari suatu saripati (berasal) dari tanah. Kemudian kami jadikan saripati itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kukuh (rahim), kemudian air mani itu kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu kami bungkus dengan daging, kemudian kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maha Suci Allah Pencipta yang paling Baik.

(Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:527)

Tegasnya, Allah SWT telah menjelaskan di dalam al-Quran tentang proses ciptaan manusia yang bermula daripada setitis air mani, kemudian membentuk menjadi daging dan akhirnya lahir sebagai seorang manusia. Dengan kemajuan sains dan teknologi hari ini, manusia dapat melihat proses pembentukan janin sejak dari dalam rahim ibu lagi, tetapi Allah SWT telah menerangkan kepada orang Islam berkenaan proses kejadian mereka sejak 1400 tahun yang lalu. Para cendekiawan, ahli falsafah dan ahli agama telah memberi pelbagai tafsiran tentang manusia. Umpamanya, Baha Zain (2002:29) menyatakan bahawa, Plato berpendapat bahawa manusia terbahagi kepada jiwa dan jasad. Jiwa itu tidak boleh dimusnahkan, dan wujud sebelum kelahiran, ia kekal abadi setelah kematian. Jiwa itu pula terbahagi kepada nafsu, akal, dan roh, antara ketigatiganya akallah yang sepatutnya menguasai nafsu dan roh. Pendapat ini hampir sama dengan ajaran Islam, seperti kata Ramli Isin (1984:1) manusia adalah makhluk yang paling sempurna dijadikan

Tuhan dengan dianugerahi akal serta sifat-sifat daya cipta dan daya tanggapan terhadap sesuatu yang dilihat atau dirasakan oleh inderawinya. Pendapat ini bertepatan seperti yang terdapat dalam *Al Qur'an dan Terjemahnya* melalui Surah at Tiin Ayat (4-6) yang bermaksud seperti berikut:

Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaikbaiknya. Kemudian kami kembalikan dia ke tempat yang serendah-rendahnya (neraka). Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh, maka bagi mereka pahala yang tiada putus-putusnya.

(Khadim al Haramain asy Syarifan, 1990:1076)

Ringkasnya, walaupun Allah SWT telah mencipta manusia dari sebaik-baik kejadian berbanding dengan ciptaan-Nya yang lain, namun jika manusia ingkar akan perintah Allah SWT. untuk beriman dan melakukan “Amal Makruf dan Nahi Mungkar” serta lupa akan fitrah kejadiannya maka balasannya adalah di tempat yang paling keji iaitu di neraka jahanam. Baha Zain (2002:33) menyatakan manusia terikat kepada agamanya. Setiap perbuatan mendapat pahala atau dosa, dan akhirat menjadi matlamat terakhirnya. Sebagai makhluk Tuhan manusia memohon keredaan-Nya, mencintai keamanan dan harus berbaik-baik terhadap sesama manusia, tidak kira bangsa dan agama. Ajaran Islam juga menyeru kepada umatnya supaya percaya kepada qada dan qadar. Setiap manusia harus bersabar terhadap segala musibah yang menimpa dirinya, kerana itu sudah kehendak Tuhan. Tetapi manusia disuruh berikhtiar untuk menghindarkan dirinya daripada sebarang kesudahan, bukan berserah dan menyerah sahaja. Jadi manusia, di samping harus percaya kepada sesuatu diluar kekuasaan dirinya, dia juga diajar untuk melepaskan dirinya daripada nasib yang menimpa atau boleh menimpa dirinya. Demikianlah Shahnon Ahmad yang kreatif dan inovatif dalam karya-karyanya. Seheinggakan ia boleh dikaji dengan pelbagai sudut dan pandangan serta amat relevan untuk setiap masa dan keadaan, atau boleh dikatakan karya-karya beliau sentiasa ‘malar segar’ dan boleh dikaitkan dengan keadaan dan situasi yang dialami pada masa kini.

## **RUJUKAN**

- Baha Zain. (2001). *Esei dan Puisi Baha Zain Tentang Penulis dan Persekitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dharmawijaya. (1987). *Tanggapan dan Kaedah Pengajaran Puisi*. Selangor:International Book Service.
- Hamka. (2003). *Kesepaduan Iman & Amal Salih*. Selangor: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Humaidi Tatapangarsa (Drs). (1980). *Akhlaq Yang Mulia*. Surabaya: PT Bina Ilmu
- Khadim al-Haramain asy Syarifai. (1990) *.Al-Quran dan Terjemahannya*, Madinah: Kompleks Percetakan Al-Ouran Nul Karim Kepunyaan Raja Fahd, Saudi Arabia.
- Mohd Yusof Hasan. (2010). Syarahan Perdana: “Sasterawan Negara Profesor Emeritus Datuk Haji Shahnon Ahmad”. 24 Oktober 2010 Serdang, Selangor: UPM.
- Mohd Yusof Hasan. (2002). “SPB4L Melahirkan Insan Syumul” dlm. *Dewan Sastera*

(Mac 2002:20)

- Mohd Yusof Hasan. (2004). *Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu*.  
Tanjong Malim: UPSI,
- Mohd Nakhaie Ahmad. (1998). *Di Bawah Naungan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Muamalat Islam Malaysia.
- Muhammad Abdul Qadir Abu Faris. (1988). *Analisis Aktual Perang Badar & Uhud di Bawah Naungan Sirah Nabawiyah*. Jakarta: Robbani Press.
- Mustafa 'Abdul Rahman. (2001). *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahannya)*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa Haji Daud. (1994). *Kesusasteraan dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mustafa Haji Daud. (1995). *Konsep Ibadat Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa 'Abdul Rahman. (2001). *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahannya)*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- O.K.Rahmat. (1991). *Hubungan antara Manusia dengan Manusia dan Alam Sekelilingnya*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- S.Othman Kelantan. (1987). *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1992). "Apalagi Kalau Bukan Keperihalan Kemanusiaan" dlm. *Dewan Sastera*, Oktober 1992:52.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Detik-Detik Diri di Daerah Daif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsina Bt. Abd. Rahman. (1986). "Puisi-Puisi Shafie Abu Bakar: Satu Kajian Tentang Diri". Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Samsina Bt. Abd. Rahman. (1989). "Puisi-Puisi Sayembara Anugerah Puisi Putra: Kajian Pemikiran dan Nilai Estetik", Tesis Ijazah Sarjana Persuratan, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.



